

27 JUL 2001

UTAMA-TERAJU

KERAJAAN BERSEDIA BERIKAN STATUS TERAJU KEPADA UBG

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bersedia mempertimbangkan pemberian status bank teraju atau teras kepada Utama Banking Group Bhd jika bank itu memenuhi syarat-syarat.

"Jika layak, kerajaan sedia mempertimbangkannya," kata beliau pada persidangan akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Ditanya sama ada terdapat kemungkinan kumpulan itu yang berpangkalan di Sarawak akan mengambil alih status bank teras RHB Bank, Dr Mahathir berkata: "Segalanya berkemungkinan".

Utama pada 23 Julai mengatakan yang Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) telah menerima tawarannya (Utama) untuk membeli 22.7 peratus kepentingan MRCB dalam Rashid Hussain Bhd (RHB) pada harga RM3.80 sesaham atau dengan jumlah RM399.483 juta secara tunai.

RHB ialah syarikat induk kepada RHB Bank.

Utama dalam pengumumannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kemudian berkata, pengambil alihan kepentingan itu membentuk sebahagian daripada cadangan skim penggabungan unit-unit perbankan untuk kedua-dua kumpulan Utama dan RHB. -- BERNAMA

MAD SD AA